



Kereta mangsa terpesok di bawah lori selepas diseret di simpang tiga Jalan Lukut-Sepang, Port Dickson, semalam.

4 maut kereta diseret lori

B/H 00/01/2018
M/S 18

→ Lima kenderaan dirempuh ketika berhenti di lampu isyarat Jalan Lukut-Sepang

Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

► Port Dickson

Empat sekeluarga warga Singapura maut, manakala empat lagi cedera dalam kemalangan melibatkan lima kenderaan di simpang tiga Jalan Lukut-Sepang di sini, petang semalam.

Mereka yang terbunuh dalam kemalangan jam 2 petang itu ialah pasangan suami isteri, Rosli Samad, 54, Maimunah Sapari, 51, serta dua anak mereka, Nor Amalina, 21, dan Dayana, 19.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Zainudin Ahmad, berkata kemalangan dipercayai berpunca apabila sebuah lori dari arah Sepang, Se-

langor, gagal memberhentikan kenderaan lalu melanggar tiga kereta dan sebuah motosikal yang berhenti di lampu isyarat di persimpangan jalan itu.

Maut di tempat kejadian

Beliau berkata, satu daripada kereta itu turut diseret lori, menyebabkan empat mangsa yang berada dalam kenderaan itu maut di tempat kejadian.

Katanya, mangsa yang cedera pula dibawa ke Hospital Port Dickson untuk mendapatkan rawatan.

"Ahli keluarga warga Singapura itu kini dalam perjalanan dari Singapura ke sini untuk menuntut mayat semua mangsa.

"Punca kemalangan masih dalam siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta

Pengangkutan Jalan 1987," katanya di sini, semalam.

Pemandu lori serah diri

Zainudin berkata, pemandu lori itu juga sudah menyerah diri di Balai Trafik di sini, pada jam 5.30 petang semalam.

Katanya, lelaki berusia 54 tahun itu akan direman di Mahkamah Majistret hari ini.

Sementara itu, jurucakap bomba berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 2.29 petang dan bergerak ke lokasi bersama sebuah jentera dan lapan anggota.

Katanya, bomba mengambil masa kira-kira sejam bagi mengeluarkan mangsa tersepit dalam kereta berkenaan.

"Kemalangan itu turut menyebabkan kesesakan lalu lintas lima kilometer," katanya.